

## UMT sedia bantu polis siasat kes pukul pelajar di kolej kediaman

Zatul Iffah Zolkipli  
zatuliffah@hmetro.com.my



UMT. FOTO laman sesawang UMT

Kuala Nerus: Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bersedia memberi kerjasama sepenuhnya dengan polis dan menunggu hasil siasatan berhubung kejadian pukul secara bergilir-gilir membabitkan penuntut universiti berkenaan.

Menurut Pejabat Komunikasi Korporat UMT, pihak universiti turut menjalankan siasatan dalaman dan menegaskan setiap pelajar perlu sentiasa mematuhi Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar) 2024.

"UMT mengesahkan terdapat laporan salah laku pelajar yang dibuat kepada pihak polis semalam. UMT menzahirkan rasa dukacita dan memandang serius atas insiden ini.

"Bagaimanapun, UMT tidak dapat mengulas lebih lanjut namun bersedia memberi kerjasama sepenuhnya dengan polis dan menunggu hasil siasatan," katanya dalam satu kenyataan media di sini.

Katanya, sebagai sebuah universiti berkepentingan awam, UMT sentiasa berusaha memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan pelajar terpelihara serta tidak dikompromikan.

Media sebelum ini melaporkan polis menahan 12 penuntut sebuah institut pengajian tinggi awam (IPTA) di negeri ini yang dipercayai terbabit dalam kejadian pukul secara bergilir-gilir menggunakan objek tumpul di sebuah kolej kediaman, Ahad lalu.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu Superintendan Wan Mohd Zaki Wan Ismail dilaporkan berkata, kesemua suspek lelaki berusia antara 20 hingga 22 tahun ditahan di IPT berkenaan, 6 petang semalam.

Disiarkan pada: Disember 18, 2024 @ 6:32pm

